

28 JUL 1998

UMNO SABAH DIMINTA SEDIA UNTUK TANGKIS KRITIKAN

KOTA KINABALU, 28 Julai (Bernama) -- Anggota UMNO Sabah diminta bersedia menangkis sebarang cubaan untuk memburuk-burukkan parti itu menjelang pilihan raya negeri nanti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata memang ada golongan yang akan cuba menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat dengan pelbagai isu termasuk penyertaan Sabah dalam Malaysia serta isu pembangunan.

"Tetapi ini kita akan tangkis dengan penjelasan," katanya ketika berucap menutup bengkel pengurusan organisasi Umno negeri di sini.

Abdul Hamid yang juga Anggota Majlis Tertinggi UMNO memberitahu pemberita kemudian bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengarahkan semua UMNO negeri di Semenanjung menumpukan perhatian terhadap pilihan raya negeri Sabah.

Beliau berkata Dr Mahathir mahukan semua Umno negeri dan juga Anggota Majlis Tertinggi parti memberi tumpuan kepada pilihan raya Sabah sebagai langkah memberi semangat serta membantu menangkis dakwah pembangkang di Sabah.

"Bentuk kerja spesifik akan dibuat kemudian," katanya.

Tempoh penggal Dewan Undangan Negeri sekarang berakhir pada 18 Mac tahun depan.

-- BERNAMA

KG MAI